

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN
LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

**SOALAN : Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir
[Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan apakah
kelebihan Malaysia menduduki kerusi
Presiden Majlis Keselamatan Pertubuhan
Bangsa Bersatu (PBB) bermula pada Ogos
2016 serta perancangan Kementerian bagi
menaikkan imej Malaysia di peringkat global
melalui kerusi ini. Melalui kerusi ini juga,
bagaimanakah peranan Malaysia dalam
membantu menyelesaikan isu dan konflik
yang berlaku di negara Timur Tengah seperti
di Syria dan Mesir serta pendirian Malaysia
terhadap perkara-perkara yang melibatkan
penindasan terhadap Palestin yang dilihat
tiada kesudahannya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Selaku Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB, Malaysia menegakkan satu dasar luar negara yang berpaksikan kepada penyelesaian konflik secara aman, dialog terangkum dan menyeluruh dan pendekatan kesederhanaan.

3. Selain itu, Malaysia menitikberatkan lima keutamaan, iaitu menggalakkan penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan; pengantaraan sebagai langkah ke arah mencapai kedamaian; pengukuhan misi pengaman PBB; pembinaan keamanan bagi negara-negara pasca konflik dan usaha berterusan ke arah pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif.

4. Sebagai sebuah negara berdagang, keamanan dan keselamatan antarabangsa adalah penting untuk pembangunan dan kemakmuran berterusan negara. Dalam dunia yang saling berhubungan, isu dan cabaran dalam sesuatu rantau akan memberi kesan kepada rantau lain di dunia. Oleh itu, Malaysia tidak boleh mengambil sikap acuh tak acuh atau tidak mengambil peduli akan

isu keamanan dan keselamatan sejagat.

5. Sebagai ahli Majlis, Malaysia berpeluang mengutarakan cadangan dan mempertahankan pendirian negara berhubung usaha memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa serta menggalakkan isu-isu berkepentingan kepada negara.

6. Di antara inisiatif Malaysia adalah:

Pertama: Debat Terbuka mengenai Kanak-kanak dan Konflik Bersenjata di mana Malaysia telah berjaya meninggalkan sumbangan berkekalan kepada mekanisme perlindungan kanak-kanak dalam situasi konflik bersenjata apabila Resolusi 2225 telah diperakui oleh kesemua 15 ahli Majlis Keselamatan dan disokong oleh 56 anggota PBB. Resolusi 2225 mewujudkan mekanisme kebertanggungjawaban bagi mereka yang didapati bersalah menculik kanak-kanak dalam situasi konflik.

Kedua: Debat Terbuka mengenai Ketakcambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (WMD) yang telah berjaya meningkatkan kesedaran berhubung ancaman percambahan WMD kepada pelaku bukan negara dan iltizam negara anggota PBB untuk bekerjasama menangani ancaman berkenaan.

7. Inisiatif-inisiatif Malaysia telah mendapat sokongan memberangsangkan dan diterima baik oleh ahli Majlis Keselamatan dan negara anggota PBB.

8. Melihat situasi di Timur Tengah, Malaysia menyokong penuh usaha penyelesaian krisis di Syria secara menyeluruh melalui dialog dan rundingan terang-kum. Ini termasuk usaha berterusan oleh TYT Staffan de Mistura, Wakil Khas Setiausaha Agung PBB bagi Syria untuk membawa pihak-pihak bertelagah ke meja rundingan dan mencari penyelesaian damai.

9. Sejak Malaysia menjadi anggota tidak tetap, Majlis Keselamatan PBB telah menghasilkan lima (5) resolusi mengenai Syria. Malaysia menyokong sepenuhnya resolusi-resolusi tersebut yang menggesa semua pihak bertelagah bekerjasama mencari penyelesaian damai berhubung krisis di Syria dan menjamin laluan bebas bagi menghantar bantuan kemanusiaan. Malaysia juga mengecam penggunaan senjata kimia di Syria.

10. Sejak menganggotai Majlis Keselamatan PBB, Malaysia sentiasa lantang menegaskan pendirian menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan Israel terhadap rakyat Palestin sepanjang penindasannya ke atas wilayah Palestin.

11. Malaysia turut menegaskan bahawa tiada negara, termasuk Israel, yang melanggar undang-undang antarabangsa atau melakukan jenayah perang, jenayah kemanusiaan dan pembunuhan beramai-ramai (*war crimes, crimes against humanity and genocide*) boleh dikecualikan dari tindakan berlandaskan undang-undang antarabangsa. Malaysia menuntut Majlis Keselamatan melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan isu Palestin ini.

12. Selain itu, Malaysia telah mempengerusikan tiga mesyuarat tidak rasmi mengenai situasi di Gaza pada bulan Julai 2015, isu perlindungan penduduk Palestin pada Mei 2016 dan penempatan haram oleh Israel pada bulan ini.

Sekian, terima kasih.